

PERMOHONAN UNTUK MEMINDA PERATURAN- PERATURAN MAKANAN 1985

Pengeluar makanan boleh memohon kepada Kementerian Kesihatan Malaysia untuk meminda mana-mana bahagian bagi peraturan pelabelan dan akuan pemakanan. Semua permohonan mestilah dibuat didalam borang yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan, disertakan dengan semua dokumen sokongan. Tiga jenis borang yang boleh digunakan, iaitu:

- a) Permohonan bagi Penambahan kepada Senarai Tambahan Zat Makanan
- b) Permohonan bagi akuan pemakanan
- c) Permohonan bagi Penambahan kepada Senarai Nilai Rujukan Nutrien (NRN)

Borang permohonan boleh diperolehi dengan menghubungi Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan atau dari laman web Bahagian: <http://fsq.moh.gov.my>

PEMATUHAN & PENALTI

Sebagai sebahagian dari Peraturan-Peraturan Makanan 1985, pelanggaran peraturan ini akan mengakibatkan denda yang tidak melebihi dari RM5,000 atau dipenjarakan tidak melebihi dari 3 tahun atau kedua-duanya sekali.

Produk makanan juga mestilah mematuhi peraturan lain di dalam Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985 atau berisiko menerima penalti yang sama.